

5

**ASAL USUL
NAMA-NAMA KAMPUNG
DALAM MUKIM HULU JEMPOL
DI DAERAH KUALA PILAH**

Oleh:
RAHIMI NS

Dalam jurnal *Warisan* keluaran 14, tahun 1990, saya telah menulis satu artikel "Sebelum Jempol Bernama Jempol" dan sebuah puisi "Dibalut Keharuan di Penarikan" tentang asal usul nama Jempol. Lanjutan daripada artikel itu, saya telah menyambung penyelidikan saya tentang tajuk di atas, iaitu asal usul nama-nama kampungnya pula yang dikhususkan di Mukim Hulu Jempol ini sahaja (lihat peta).

Dari segi pentadbiran Adat Perpatihnya (Mukim Hulu dan Mukim Kuala Jempol), Jempol adalah sebuah 'negeri dalam Tanah Mengandung' yang ditadbir oleh Penghulu Luak Jempol iaitu Datuk Setia Pahlawan. Manakala pentadbiran kerajaan pula, mukim ini dibantu oleh ketua-ketua kampung/kariah bersama Jawatan-kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).


Dalam artikel ini pula, selain menghuraikan asal usul nama-nama kampungnya, saya juga akan menyentuh tajuk-tajuk ekonomi,

politik, kependudukan, Perang Parang Panjang Batu Kikir dan Padang Lebar, perhubungan dan menyelitkan juga nama-nama tokoh masyarakat dan orang kenamaan yang berasal dari mukim ini.

Penerokaan Awal Mukim Hulu Jempol

Penduduk asal mukim ini ialah orang asli. Mereka yang membuka mukim ini. Buat masa ini, mereka ditempatkan di suatu kawasan khas di Kampung Guntur, Tengkek. Ada antara anak-anak keturunan orang asli ini yang berkelulusan universiti, menjadi guru, jururawat dan berkhidmat dengan kerajaan.

Perantau-perantau dari Minangkabau yang datang pada tahun 1457 ke Negeri Sembilan telah membuka kawasan-kawasan baru di negeri ini. Di Jempol, mereka telah memulakannya di Penarikan (kawasan di sekitar Istana Serting) dan telah merebak ke Lonek, Batu Kikir, Terentang, Kampung Birah sehinggalah ke Tengkek.



Peta Lakar Mukim Hulu Jempol, daerah Kuala Pilah menunjukkan kariah-kariah

Sebelum mereka membuka sesebuah kawasan baru, mereka terlebih dahulu mengadakan permuafakatan dan persefahaman dengan ketua-ketua orang asli bagi membolehkan mereka menetap dan membuka kawasan sawah dan ladang seperti keadaan di tanah asal mereka di Alam Minangkabau. Orang yang pertama mereka temui ialah ketua orang asli iaitu Tok Batin Pancat¹. Jempol berkembang dan mempunyai ramai penduduk selepas tahun 1700-an.

Asal Usul Nama-nama Kampung

Mukim Hulu Jempol sekarang ini ditadbir oleh seorang penghulu.

Dalam mukim ini terdapat lapan buah kariah, dan juga sebuah perkampungan orang asli (Kampung Tersusun). Tiap-tiap kariah ditadbir oleh seorang ketua kariah atau ketua kampung. Kariah adalah gabungan kampung-kampung kecil yang terdapat di dalam sesuatu perkampungan itu.

Kariah-kariah yang terdapat dalam Mukim Hulu Jempol ini ialah Tengkek, Majau, Tapak, Sungai Jelutong, Keru, Jerjak, Terentang dan Sungai Talan.

Kariah Kampung Tengkek.

1. Kampung Guntur
2. Kampung Kasau

3. Kampung Pajak
4. Kampung Tengkek
5. Kampung Pus
6. Kampung Tampin
7. Kampung Pulau Jelebu
8. Kampung Padang Biawas
9. Kampung Jeram

Kariah Kampung Majau

1. Kampung Tengah
2. Kampung Bukit Tempurung
3. Kampung Kering
4. Kampung Anak Air Rejang
5. Kampung Tanah Liat
6. Kampung Anak Air Belimbing
7. Kampung Anak Air Rendam
8. Kampung Kata
9. Kampung Dusun
10. Kampung Majau
11. Kampung Pauh
12. Kampung Perigi Jernih

Kariah Kampung Tapak

1. Kampung Bukit
2. Kampung Bintongan
3. Kampung Pulau
4. Kampung Pabai
5. Kampung Tapak

Kariah Kampung Sg. Jelutong

1. Kampung Mak Inau (Mainau)
2. Kampung Dusun
3. Kampung Tapak Seberang
4. Kampung Hutan Lebar
5. Kampung Birah
6. Kampung Ghalib
7. Kampung Recang

8. Kampung Gajah Mati
9. Kampung Mungkal
10. Kampung Sungai Jelutong

Kariah Kampung Jerjak

1. Kampung Jerjak
2. Kampung Mensuba
3. Kampung Ampang Buko
4. Kampung Padang Lebar
5. Kampung Padang Kerbau

Kariah Kampung Keru

1. Kampung Pulau
2. Kampung Semeling
3. Kampung Keru
4. Kampung Ulu Keru
5. Kampung Anak Air Sembulan

Kariah Kampung Terentang

1. Kampung Tanah Datar
2. Kampung Seri Melenggang
3. Kampung Bukit Lanjut
4. Kampung Bukit Petai
5. Kampung Tanah Merah
6. Kampung Terentang

Kariah Kampung Sungai Talan

1. Kampung Anak Air Panjang
2. Kampung Sungai Talan Hilir
3. Kampung Sungai Talan Hulu
4. Kampung Lombong
5. Kampung Batu Lapan

Jumlah semua kampung dalam Mukim Hulu Jempol ini adalah 56 buah termasuk nama

kariahnya sekali. Namun begitu, ramai orang tidak lagi mengetahui nama-nama kampung yang kecil-kecil itu. Ini disebabkan nama sedemikian tidak digunakan lagi. Penduduk setempat lebih mengenali nama kariah mereka sahaja.

Untuk datang ke Mukim Hulu Jempol ini, seseorang itu boleh sampai melalui tiga jalan utama:

- a. dari Pekan Batu Kikir
- b. dari Pekan Pelangai melalui Batu Meraung atau Pasir Ambor.
- c. dari Pekan Pertang (jalan keselamatan yang dibina pada tahun 1970-an).

Kita sedia maklum, jalan utama yang digunakan pada masa dahulu adalah melalui sungai selain lorong-lorong di dalam hutan yang dirintis. Peneroka-peneroka awal telah sampai di Batu Kikir dan kemudian mudik ke hulu mengikut Sungai Jempol. Perjalanan itu sampai di Bukit Perah dan Bukit Sempit sebelum naik ke sebuah bukit yang merentang dan memandang ke hulu dan melihat satu kawasan yang luas terbentang saujana mata memandang. Kawasan ini dikelilingi bukit bukau kiri dan kanan dan di tengah-tengahnya mengalir Sungai Jempol. Di kiri kanan sungai ini, tanahnya rata dan sesuai sekali di-

jadikan sawah, seperti jua (agaknya) kawasan perkampungan mereka di Alam Minangkabau yang berbukit bukau.

Kariah Kampung Talan

Setelah melalui Bukit Sempit (selepas tangki air Jabatan Bekalan Air (JBA) sekarang ini), peneroka itu mendapati satu muara anak sungai pada sebelah kiri. Satu kumpulan telah diarah untuk mengikuti hingga ke hulu anak sungai itu. Anak sungai itu didapati tersangat panjang sehingga bertemu dengan perbatasan Pasir Ambor, lalu kawasan itu dinamakan *Kampung Sungai Anak Air Panjang*. Secara kebetulan pula, di antara hulu dan hilir anak sungai itu ada satu cabang anak sungai. Di tengah-tengah kawasan itu terdapat banyak ikan talan (di kawasan lombong hingga ke masjid). Akibat terlalu banyak ikan talan lalu petempatan di sekitarnya dinamakan *Kampung Sungai Talan*.

Kampung Batu Lapan wujud semasa perang Jepun dahulu. Ia diberi nama Kampung Batu Lapan kerana jauhnya dari Kuala Pilah adalah lapan batu.

Kariah Kampung Terentang

Satu kumpulan lagi peneroka meneruskan perjalanan ke sebelah

kanan. Apabila hendak menempuh kawasan sungai itu ke hulu (Kampung Bukit Sempit sekarang ini) terdapat banyak pokok yang merentangi sungai itu dari bukit ke bukit, jadi mereka terus mendaki bukit yang melintangi kawasan itu. Dari kemuncak bukit, mereka nampak kawasan lapang yang luas terbentang arah ke hulu. Apabila mereka turun ke kawasan lembah di bawah bukit, mereka terjumpa banyak pokok jenis terentang. Maka kawasan itu dinamakan *Kampung Terentang*.

Kumpulan-kumpulan yang lain datang lagi dan mereka terus ke hulu. Di suatu tempat mereka terjumpa banyak pokok gelenggang. Secara kebetulan pula, kumpulan ini dari suku Somolonggang (Seri Melenggang) dan mereka namakan petempatan tersebut *Kampung Seri Melenggang*. Kampung-kampung yang lain pula mengikut kepadatan pokok dan keadaan tanah di situ iaitu Tanah Datar, Kampung Lanjut (pokok lanjut), Kampung Bukit Petai (pokok petai), Kampung Tanah Merah (tanah merah) dan Kampung Tanah Datar daripada Suku Tedatar.

Kariah Kampung Jerjak

Peneroka-peneroka yang melalui Kampung Seri Melenggang

mendapati daun dan bunga pokok gelenggang itu busuk baunya. Ada antara mereka tidak menyukainya, lalu mendaki bukit yang berhampiran. Dari atas bukit, mereka ternampak satu kawasan yang amat lebar serupa seperti sebuah padang. Mereka menamakan tempat itu *Padang Lebar* (pekan kecil sekarang ini).

Ke hulu lagi, mereka terjumpa banyak pokok jerjak (sekitar kawasan masjid). Maka timbullah nama *Kampung Jerjak*. Kampung-kampung yang lain seperti *Kampung Mensuba* (pokok tuba), *Kampung Padang Kerbau* (padang ragut sekarang ini) dan *Kampung Ampang Buko* pula, kerana pada suatu masa dahulu, kawasan Mensuba itu memang terdapat sebuah danau (kolam). Tempat danau itu dibuka pada musim menuba ikan dan di situ juga tempat mengalirkan airnya (membuka ampangan = Ampang Buko) berhampiran kampung yang dimaksudkan.

Kariah Kampung Sg. Jelutong

Sungai Jelutong pada masa dahulu lebih dikenali dengan nama *Kampung Birah* (tempat kelahiran penulis). Hanya selepas perang baru ditukar kepada nama yang baru ini. Kampung Birah (pokok birah, nama

sejenis keladi) ialah penempatan pertama di kawasan ini.

Sesudah pembukaan Kampung Jerjak, peneroka-peneroka lain telah masuk ke kawasan pedalaman lagi. Apabila sampai di suatu tempat, mereka terjumpa sebatang anak sungai iaitu Sungai Tapak. Di kampung ini terdapat kesan tapak kaki manusia pada sebidang batu yang luar biasa besarnya. Maka kampung ini dinamakan *Kampung Tapak*. Kampung Tapak sekarang ini nama asalnya ialah Kampung Bukit.

Kalau hendak ke *Kampung Ghalib* (Ralip) terpaksa mengikuti jalan yang berbelit-belit seperti ular kena palu, dan terpaksa menyusur Sungai Tapak. *Kampung Recang* daripada nama pokok bacang yang banyak terdapat di kawasan ini. Perkataan *bacang* menjadi *recang* kerana peneroka pertamanya bercakap pelat dan apabila menyebut bacang menjadi recang. Bersebelahan Kampung Recang ialah *Kampung Gajah Mati* yang pada ketika itu terdapat seekor bangkai gajah yang telah mati.

Kampung Mungkal pula didiami oleh Suku Mungkal sempena dengan nama suku itu. *Kampung Dusun* dinamakan begitu kerana terdapat bekas dusun orang asli.

Kampung Mainau (Mak Inau) adalah daripada nama seorang bidan kampung yang terkenal pada masa itu, manakala *Kampung Sungai Jelutong* (dikenali selepas perang) mengambil sempena pokok jelutong yang banyak terdapat di kawasan itu.

Kariah Kampung Tapak

Asal nama *Kampung Tapak* ialah Kampung Bukit. Pada satu ketika dahulu telah ditukar namanya kepada *Kampung Seri Medan* tetapi nama baharu ini tidak popular dan lenyap begitu sahaja. Dinamakan Kampung Tapak kerana sekolah yang ada sekarang ini (dibina pada tahun 1910) sepatutnya didirikan di Kampung Tapak tetapi kawasan di Kampung Tapak itu selalu banjir maka didirikan di tempat sekarang dengan dikekalkan namanya.

Bersebelahan Kampung Tapak (seberang) ialah Kampung Pabai, Pulau dan Bintongan. Terbitnya nama *Kampung Pabai* kerana seorang lebai dari kampung itu yang ditugaskan menjadi bilal masjid selalu cuai atau abai untuk azan di masjid apabila sampai waktu solat. Oleh sebab keabaiannya itu beliau dikenali sebagai "Pak Abai yang Abai" lalu tempat itu dinamakan *Kampung Pabai*. *Kampung Pulau* pula kerana kedu-

dukannya berhampiran pertemuan muara Sungai Tapak dengan Sungai Jempol. Keadaan tanahnya seperti sebuah tanjung. Pada waktu malam akan kelihatan cahaya pelita yang berkilau-kilau seperti di tepi pantai dari Kampung Tapak dan Kampung Bukit. Peneroka pertama apabila sampai ke *Kampung Bintungan* terserempak dengan sejenis binatang iaitu 'benturung'. Maka tempat itu dinamakan Kampung Bintungan.

Kariah Kampung Keru

Setelah sampai di muara Sungai Tapak dan Sungai Jempol, satu kumpulan peneroka telah mengikuti di sebelah Sungai Jempol. Sampai di suatu kawasan datar, mereka berasa amat letih dan malas hendak meneruskan penerokaan lagi. Untuk menguatkan dan meningkatkan semangat mereka, ketua mereka telah 'berseru-seru' supaya jangan patah hati untuk membuat perkampungan yang baru. Jadi perkataan *seru* menjadi *keru* dan tempat di mana 'seruan' itu dilakukan dinamakan *Kampung Keru*. Ada sebatang anak sungai ke arah hulu Kampung Keru dan sebelum sampai ke kampung itu ada satu kawasan lapang yang ditumbuhi pokok 'semeliang'. Daripada nama pokok itu lahirlah *Kampung Semeling*. *Kampung Pulau* pula

adalah di kawasan datar tempat mereka berkumpul buat pertama kali yang kebetulan di kelilingi air. *Kampung Anak Air Sembulan* pula yang terletak sebelah kanan Kampung Hulu Keru ini mendapat nama kerana terdapat sembilan buah mata air yang tidak pernah kering di tepi bukit kawasan itu.

Kariah Kampung Majau

Peneroka-peneroka awal meneruskan perjalanan mereka ke hulu lagi. Setelah sampai ke Kampung Tapak/Bukit mereka terjumpa terlalu banyak pokok pauh. Daripada nama pokok itu dinamakan *Kampung Pauh*. *Kampung Majau* diberi nama lambat sedikit. Kampung Majau mendapat nama selepas tahun 1890-an. Pada masa pemerintahan Inggeris membuat batu sempadan daerah Kuala Pilah dan Jelebu, satu pasukan juruukur telah sampai ke kemuncak bukit di belakang kampung ini. Di atas bukit itu mereka telah bertemu dengan seorang asli bernama 'Manjau'. Lalulah dinamakan tempat itu Kampung Majau².

Orang Melayu memang terkenal dengan semangat gotong-royongnya. Sebelum meneruskan penerokaan ke sebelah hulu sungai, mereka singgah di suatu tempat di

Kampung Kata sekarang ini. Oleh sebab kerap sangat berkata-kata di tempat yang sama, maka lekatlah nama Kampung Kata itu (tempat kediaman penulis sekarang).

Di pertemuan Sungai Kering dengan Sungai Jempol terdapat sebuah bukit seperti sebuah tempurung yang tertangkup; kerana keadaannya yang sedemikian maka dinamakan *Kampung Bukit Tempurung*. *Kampung Tengah* pula kerana kedudukannya di 'tengah-tengah' di antara Kampung Majau dan Kampung, Tampin di Kariah Tengkek.

Kebun Raja

Kebun Raja adalah sebuah kebun yang dikhaskan untuk keturunan kerabat di raja negeri ini. Luas kebun ini lebih kurang 250 ekar yang memisahkan Kariah Majau dengan Kariah Tengkek. Inilah agaknya (barangkali) satu cara untuk mendekatkan/merapatkan perhubungan antara rakyat dan istana dengan mengadakan satu kawasan tanah untuk raja. Kawasan kebun raja ini dikenali dengan *Kampung Kering*. Ini disebabkan sungai yang mengalir di sini tidak pernah kering walaupun kemarau panjang. Kini sebahagian Kebun Raja itu telah ditanam dengan kelapa

sawit. Sebahagiannya pula (70 ekar) telah dijual kepada orang tempatan. Nama-nama kampung lain di Majau tidak perlu dibuat catatan di sini kerana nama-nama itu tidak begitu penting.

Kariah Kampung Tengkek

Kampung-kampung di Tengkek terdiri daripada sembilan buah kampung. Kawasan *Kampung Guntur* ialah kawasan penempatan khas orang asli dengan kampung tersusunnya. Mereka menikmati semua kemudahan seperti juga penduduk tempatan. Ada elektrik, ada air paip, rumah mereka berbentuk ala rumah Felda. Anak-anak mereka telah dihantar ke sekolah dan dua tiga orang telah berjaya melanjutkan pelajaran dan lulus universiti. Ramai juga antara mereka yang berjawatan kerajaan seperti guru, jururawat dan sebagainya. Kawasan ini dahulu dikenali juga *Batu Dua Belas* kerana jaraknya dari Batu Kikir ialah 12 batu dan merupakan kawasan yang hulu sekali di Mukim Hulu Jempol ini.

Peneroka awal agak susah hendak pergi ke kampung ini. Selepas Kebun Raja, ada sebuah bukit yang curam. Untuk mendaki bukit ini terpaksa menggunakan tongkat dan terpaksa pula naik

mengikut 'tingkat-tingkat' lalu dinamakan Kampung Tengkek.

Kampung Pajah pula pada suatu masa dahulu bernama Kampung Padang Biawas (biawas - jambu batu) tetapi telah ditukar kepada nama sekarang. Nama Kampung Pajah mengambil sempena nama seorang pawang yang terkenal pada masa itu. *Kampung Kasau* pula terletak bersebelahan Kampung Pajah. Di kawasan ini terdapat banyak pokok yang tinggi dan lurus yang sesuai untuk dibuat kasau rumah. Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai mencari kasau lalu dinamakan sedemikian. *Kampung Jeram* dinamakan bagitu kerana tempat ini berhampiran dengan jeram. Kampung Pus, Kampung Tampin (banyak pokok pimpin) tidak perlu dicatatkan di sini. Apa yang menarik ialah *Kampung Pulau Jelebu* yang menggunakan nama daerah/luak Jelebu di kawasan Tengkek ini. Mengapa demikian? Mengikut ceritanya, peneroka kampung ini berasal dari Jelebu. Mereka berulang alik dari Jelebu (melalui jalan hutan) dan kemudian menetap di kawasan ini.

Kesimpulan

Dalam memberi nama sesuatu tempat atau kampung itu,

nama orang, nama pokok, nama suku, nama binatang dan keadaan permukaan tanah mempengaruhi untuk menamakan sesuatu kawasan itu.

Daripada nama orang, kita dapati nama Majau dan Pajah, nama pokok pula terdapat pauh, jelutung, recang, birah dan sebagainya. Daripada nama suku dalam Adat Perpatih timbullah Mungkal, Semelenggang dan Tanah Datar. Keadaan tanah pula menimbulkan nama-nama Tengkek, Bukit Tempurung dan Pulau. Manakala daripada nama binatang ialah Gajah Mati dan Bintungan (benturung).

Satu hal yang menarik dalam mewujudkan nama-nama kampung ini adalah tentang pertukaran sebutan daripada perkataan asalnya. Misalnya 'manjau' menjadi 'majau', 'bacang' menjadi 'rencang', dan 'tuba' menjadi 'mensuba'. Hal begini berlaku barangkali disebabkan mengikut kehendak semasa pada masa itu supaya bunyi sebutan itu sedap disebut dan didengar. Atau jua sebutan orang Minangkabau berlainan dengan dialek tempatan. Secara otomatis penukaran sebutan itu terjadi dengan sendirinya seperti yang dinyatakan pada awal artikel ini.

Pembangunan Mukim Hulu Jempol

Mengikut cerita orang-orang tua, mukim ini pesat membangun mulai tahun 1820-an iaitu lebih kurang 170 tahun yang lalu. Mulai tarikh itu ramai pendatang berhijrah dan bermastautin di sini. Mereka terdiri daripada orang Minangkabau, orang Jawa (mereka ini ramai datang dari Kuala Pilah), orang Cina dan juga India. Kumpulan orang Cina dan India mula datang pada tahun 1890-an apabila penemuan bijih timah dan getah mula ditanam. Mereka berpusat di Pekan Padang Lebar tetapi ada juga yang tinggal di kampung-kampung.

Ekonomi di Mukim Hulu Jempol

Mata pencarian utama pada masa dahulu adalah bertani dan berternak. Mereka juga bersawah padi, membuat dusun buah-buahan dan mengeluarkan hasil hutan seperti damar, rotan dan manau. Apabila getah diperkenalkan ramai antara mereka membuat kebun getah di sekitar tanah di belakang rumah mereka.

Apabila bijih timah ditemui di Kampung Lombong/Sungai Talan dan di Kering/Kebun Raja, ramai bangsa Cina dan India datang ke sini.

Kegiatan melombong bijih timah ini telah diberhentikan pada tahun 1922 atas perintah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kerana kegiatan melombong akan merosakkan sawah padi penduduk tempatan. Bekas kesan lombong bijih timah itu masih kekal lagi hingga sekarang ini.

Pendidikan di Mukim Hulu Jempol

Sekolah Melayu Padang Lebar telah didirikan pada tahun 1905, Sekolah Melayu Tapak 1907 dan Sekolah Melayu Sungai Jelutong pada tahun 1951 (sekolah ini telah ditutup pada tahun 1990 kerana kekurangan murid). Selain itu sebuah sekolah pondok juga telah ditubuhkan di Kampung Bukit Tempurung semasa seorang ulamak, Lebai Maadah, (masih hidup) sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Ada juga sekolah Arab di Tapak yang kemudiannya, pada awal tahun 1960-an telah dijadikan Sekolah Agama Menengah Rendah yang diambil alih oleh kerajaan negeri.

Satu perkara yang patut diambil perhatian di sini adalah pada masa dahulu setiap anak yang berumur 12 tahun ke atas diwajibkan bersekolah. Kalau tidak bersekolah atau ponteng, murid dan

ibu bapa akan dikenakan saman oleh guru besar dan dibicarakan.

Pergaduhan Orang-Orang Melayu dengan Bintang Tiga³.

Keadaan negara menjadi kucar-kacir selepas Perang Dunia Kedua selama dua minggu, sebelum kedatangan pihak Inggeris untuk mengamankan negara ini. Dalam masa yang singkat itu Pasukan Bintang Tiga (komunis) telah mengambil alih kuasa. Mereka 'beraja di mata bersultan di hati'. Sikap kurang ajar Bintang Tiga ini telah menimbulkan kemarahan penduduk setempat dan seterusnya memperjuangkan hak mereka. Maka dengan itu timbul pergaduhan atau 'Perang Parang Panjang' di Batu Kikir dan Padang Lebar. Peristiwa itu menjadi bahan sejarah tanah air seperti juga di Batu Pahat, Kuala Lipis dan Sungai Manik di Perak.

Satu pergerakan penentang dengan seorang guru agama, Allahyarham Haji Abdullah bin Abdul Kader, sebagai pemimpin telah ditubuhkan dan bermulalah 'perang sabil' bagi menjaga maruah agama dan bangsa di tanah air sendiri. Penyokong-penyokong gerakan ini ialah Kassim bin Sudin (Tengkek) dan Aziz bin Abas (Padang Lebar). Tokoh-tokoh ini (semuanya

telah meninggal dunia) telah membuat pembersihan pada kaum-kaum bukan Islam/Bintang Tiga di seluruh kawasan mukim ini. Pergaduhan getir sekali terjadi di Padang Lebar.

Setelah tragedi berdarah itu (terutama sekali selepas Mei 1969) tiada lagi kaum China dan India yang tinggal di mukim ini. Kalau adapun ialah muafak-muafak dan telahpun sehati dengan cara hidup setempat. Perlu juga dinyatakan di sini iaitu pada masa dahulu memang ramai kaum Cina dan India yang tinggal di kampung-kampung memeluk agama Islam. Keturunan mereka ini (hingga sekarang), mungkin disebabkan darah campuran, telah melahirkan generasi yang berwibawa dan tanah kelahirannya ialah Mukim Hulu Jempol.

Penghijrahan Penduduk

Satu tabii yang abstrak bagi orang Minangkabau adalah merantau. Oleh sebab penduduk di mukim ini majoritinya keturunan Minangkabau, tidak dapat tidak sikap mereka suka merantau itu diteruskan hingga kini. Pada masa sebelum Perang Dunia Kedua dahulu kerana kurangnya perhubungan maka tidak ramai yang berbuat demikian. Namun, selepas perang, mungkin kerana kesusahan hidup,

ramai yang berhijrah. Penghijrahan beramai-ramai berlaku selepas negara mencapai kemerdekaan dan terbukanya peluang menjadi peneroka Felda.

Kini, kalau kita datang dari Batu Kikir pergi ke Guntor, pasti akan ternampak rumah-rumah yang tidak bertunggu atau kampung-kampung yang terbiar. Namun, penduduk yang masih tinggal di kampung-kampung telah mengerjakan tanah-tanah mereka dengan menyertai Projek Pertanian Berkelompok, Tanam Semula Berkelompok (getah) dan dengan Felcra menanam kelapa sawit di bawah Projek Negeri Sembilan Timur.

Mukim Hulu Jempol Masa Kini

Untuk ke mukim ini tidak ada masalah. Jalan-jalan raya bertar menghubungkan mukim ini dengan pekan Kuala Pilah, sama ada melalui Batu Kikir atau Pelangi melalui Batu Meraung atau Pasir Ambor. Dari Pertang pula, untuk ke mukim ini adalah melalui jalan keselamatan ke Padanag Lebar. Sebatang jalan baru, dari Guntur ke Tanjung Ipoh melalui Langkap sedang dirancang dan akan dibina pada masa akan datang.

Sebuah kawasan hutan rekreasi akan dibina di Jeram Tinggi

di Kampung Tengkek dengan kos hampir sejuta ringgit untuk tujuan pelancongan. Di samping itu seluruh penduduk di mukim ini telah dibekalkan dengan kemudahan asas seperti air dan elektrik. Telefon sudah masuk ke rumah-rumah penduduk tempatan.

Mukim Hulu Jempol juga melahirkan tokoh-tokoh terkenal di tanah air kita ini. Misalnya keluarga Cikgu Bador (Tengkek), putera-puteranya ramai yang ke pusat pengajian tinggi seperti Kahar, Zainal, Arif dan lain-lain. Keluarga Mohd. Diah (Sungai Talan) ramai yang berkhidmat dalam pasukan tentera dan polis. Bapa kepada Tan Sri Ghazali Shafie, bekas Menteri Kerajaan Malaysia ialah orang Padang Lebar. Begitu juga bapa kepada Tan Sri Alwi Jantan adalah dari Tengkek. Dalam bidang kehakiman pula, mukim ini melahirkan Lamin bin Yunus berasal dari Seri Melenggang. Selain itu mukim ini melahirkan ratusan guru (menengah dan rendah), doktor, peguam dan lain-lain.

Penyanyi terkenal Ibnor Riza adalah dari Tengkek. Allahyarham Lebai Manan ialah guru *Al-Quran* dan berzanji di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur juga berasal dari mukim ini. Mukim ini juga

melahirkan Haji Mustafa (Keru) seorang ahli silat dan kedukunan iaitu perubatan tradisional.

Selain mereka yang dinyatakan tadi ada seorang ulamak yang amat terkenal sebelum perang di mukim ini iaitu Lebai Maadah. Pada masa hidupnya dia adalah seorang pendakwah yang amat disegani. Kini, ramai anak muridnya yang bertaburan di merata negeri. Beliau juga adalah seorang pengarang kitab agama. Mukim ini juga melahirkan beberapa orang penulis yang berpotensi seperti Abdullah A.R., Bahasa Othman dan lain-lain.

Dari segi politik pula, mukim ini telah melahirkan Senator Jaafar Harun, Lilah Hj. Yassin dan beberapa tokoh yang berkemungkinan pada masa akan datang.

Sebagai penutup di sini diturunkan semula sebuah puisi yang saya cipta tentang mukim yang saya cintai dan hormati ini. Puisi itu telah tersiar dalam *Suara Negeri* dan saya cipta sempena lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada satu ketika dahulu. Saya rasa puisi ini merangkumi apa yang saya maksudkan dalam pencapaian pembangunan mukim ini.

PADANG LEBAR

(Sempena Lawatan
Timbalan Perdana Menteri)

Kedatangannya ke sini:

- tidak sumbang perjalanan
- tidak sumbang pemandangan
- tidak sumbang kedudukan
- malahan itulah yang dihajatkan.
- diapun melangkah dengan seribu keyakinan
- diapun mengharap dengan doa kesyukuran
- diapun berpidato dengan penuh keazaman
- lafaz katanya tersusun dengan keikhlasan
- mahu melihat bangsa Melayunya maju
- mahu melihat seluruh rakyatnya bersatu
- menanam semangat gigih dan jitu
- memupuk semangat sekata
- berpadu
- kepada negara yang kita bangga
- ke mercu jaya impian kita.

Kesampaiannya ke Padang Lebar ini:

- tanahnya subur airnya jernih
- kampungnya sudah bersudut
- muafakat masyarakat seia sekata
- dekat rumah dekat kampung
- sehalaman sepermainan
- seperigi sepermandian
- Kini negeri sudah makmur

-dipandang ke darat
nampak getahnya sangit berdahan
-dipandang ke baruh
nampak padinya berbuah kuning
-dipandang ke hulu
nampak kokonya buah di dahan
- dipandang ke hilir
nampak sawitnya lebat di tandan
- dipandang ke kanan
nampak ternaknya masuk ke
kandang
- dipandang ke kiri
nampak hutannya penuh kekayaan
- dipandang sekeliling
nampak mukimnya pesat
membangun

Nota

- ¹ Datuk Komo Duaji @ Bujai bin Bakar PJK Datuk Lembaga Suku Mungkal, "Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadat", t.t., tidak diterbitkan.
- ² Haji Borhan bin Fajar, PJK. "Kisah Riwayat Hidup Haji Borhan bin Fajar", t.t. tidak diterbitkan.
- ³ Temu bual dengan bapa mertua: Haji Sulaiman bin Nahu.

Bibliografi

Borhan bin Fajar, PJK. Haji. 'Kisah Riwayat Hidup Haji Borhan bin Fajar'. t.t. tidak diterbitkan.

Datuk Komo Duaji @ Bujai bin Bakar PJK, Datuk Lembaga Suku Mungkal. 'Sejarah Luak Jempol dan adat Istiadat. t.t. tidak diterbitkan.

Temu bual dengan Haji Sulaiman bin Nahu, Kampung Masjid Tapak, 72200 Batu Kikir.